

14/04/1998

11 pembakaran terbuka dikesan

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebelas kes pembakaran terbuka dikesan di sekitar Lembah Klang sejak Ops Bakar dilancarkan Rabu lalu, dengan sebuah syarikat akan dihadapkan ke mahkamah tidak lama lagi.

Tiga pembakaran terbuka dikesan oleh pasukan khas Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Unit Udara Polis bagi hari pertama operasi iaitu di Semenyih, Gombak dan di Sepang.

Pada hari kedua operasi bersepadu itu, tujuh kes pembakaran terbuka dikesan di sekitar Tanjung Sepat, Sepang, Pantai Pekan dan Banting, manakala satu lagi kes dikesan semalam.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata JAS sudah menyiapkan siasatan terhadap sebuah syarikat yang akan dihadapkan ke mahkamah tidak lama lagi.

Menurutnya, kes membabitkan pembakaran terbuka mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar akan disegerakan serta dikenakan hukuman penjara mandatori dan denda maksimum berikutan peningkatan kejadian itu di seluruh negara.

Beliau sudah menulis surat kepada Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin dan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah baru-baru ini untuk meminta hukuman mandatori dikena dan disegerakan terhadap kesalahan berkenaan.

"Selaras ketetapan Jemaah Menteri minggu lalu, tindakan tegas akan dikenakan terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka dan pelepasan asap kenderaan berlebihan di seluruh negara.

"Mereka yang bertanggungjawab melakukan pembakaran terbuka akan terus didakwa di mahkamah dan tidak lagi dikenakan kompaun seperti sekarang," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas melawat kawasan kebakaran hutan gambut di Sepang, memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang sengaja melakukan pembakaran terbuka.

Sejak akhir tahun lalu, beberapa kawasan tompokan panas dikesan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak, dipercayai berlaku akibat musim kering berpanjangan hasil fenomena El-Nino.

Kabinet meluluskan Ops Bakar minggu lalu bertujuan menangani masalah pencemaran udara bermula di Lembah Klang dan ia diperluas ke seluruh negara mulai esok.

Law juga berkata, bagi kes pembakaran terbuka yang menghadapi masalah, kementerian mungkin terpaksa meminda Akta Kualiti Alam Sekitar bagi membolehkan hukuman setimpal dijatuhkan.

Law meminta orang ramai yang melihat kegiatan pembakaran terbuka di kawasan masing-masing, menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat di 994 atau 999; atau menghubungi JAS di 03-296 4404 atau 03-294 7813.

(END)